

## Isu dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah

*Issues and Challenges in the Implementation of Malay Language Essay Writing Instruction in Primary Schools*

NUR ATIKAH MOHD NOOR, ZAMRI MAHAMOD & NURFARADILLA MOHAMAD NASRI

### *ABSTRAK*

*Kajian ini dijalankan untuk meneroka isu dan cabaran dalam pelaksanaan pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Peserta kajian telah dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Seramai empat orang guru cemerlang Bahasa Melayu sekolah rendah yang mengajar Tahap 2 telah dipilih dalam kajian ini dan ditemui bual secara separa berstruktur. Protokol temu bual terlebih dahulu disahkan oleh tiga orang pakar. Setelah pengkaji selesai menemu bual peserta kajian, audio suara telah ditukar ke bentuk teks untuk dianalisis menggunakan perisian NVivo12. Data diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi memastikan triangulasi data dicapai. Hasil dapatan kajian menunjukkan cabaran dalam pelaksanaan pengajaran penulisan karangan di sekolah rendah melibatkan isu murid itu sendiri termasuklah sikap murid, kehadiran murid, tahap pengetahuan sedia ada murid dan jurang tahap penguasaan murid di dalam kelas. Selain cabaran yang berpunca daripada murid, terdapat juga cabaran yang berkaitan dengan pihak ibu bapa, misalnya ibu bapa kurang mementingkan pendidikan serta tiada pantauan terhadap pelajaran anak. Bagi pihak guru pula, cabaran yang dihadapi melibatkan kekangan kekurangan guru di sekolah terutamanya bagi sekolah kurang murid. Pergerakan guru keluar ke tenggelam atau aktiviti di luar sekolah menyebabkan sesi PdP tersebut tidak dapat dijalankan, lebih-lebih lagi peruntukan masa untuk mata pelajaran Bahasa Melayu telah dikurangkan. Perubahan format pentaksiran juga menjadi salah satu daripada cabaran dalam pelaksanaan pengajaran penulisan. Akhir sekali, cabaran yang melibatkan aspek bahasa itu sendiri yang terdiri daripada kesalahan tatabahasa, kesalahan struktur ayat, penguasaan kosa kata yang terhad dan ayat tidak dapat dikembangkan dengan baik semasa menulis karangan. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan untuk mengatasi masalah dan cabaran yang dihadapi bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah.*

*Kata kunci:* Penulisan karangan; pengajaran; bahasa Melayu; kajian kes; sekolah rendah

### *ABSTRACT*

*This study was conducted to explore the issues and challenges in implementing the teaching of Malay language essay writing in primary schools. This case study employs a qualitative approach. Participants were selected using purposive sampling techniques. Four outstanding Malay language teachers from primary schools teaching Level 2 were chosen and interviewed using semi-structured interviews. The interview protocol was validated by three experts. Upon completion of the interviews, the audio recordings were transcribed into text for analysis using NVivo12 software. Data were obtained through interviews, observations, and document analysis to ensure data triangulation. The findings reveal that the challenges in implementing essay writing instruction in primary schools involve student-related issues, including student attitudes, attendance, prior knowledge levels, and proficiency gaps within the classroom. In addition to challenges arising from students, there are also challenges related to parents, such as parents not prioritizing education and not monitoring their children's studies. For teachers, the challenges included a shortage of teachers in schools, particularly in those with low student enrollment. Teacher absences due to workshops or activities outside the school disrupted the teaching sessions, especially since the allocated time for the Malay language subject has been reduced. Changes in assessment formats also pose challenges in the implementation of essay writing instruction. Finally, language-related challenges such as grammatical errors, sentence structure mistakes, limited vocabulary mastery, and the inability to effectively develop sentences while writing essays were identified. This study is expected to serve as a guide to addressing the issues and challenges faced in improving the quality.*

*Keywords:* Essay writing; teaching; Malay language; case study; primary school

## PENGENALAN

Kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran yang paling kompleks dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Kemahiran ini merupakan kemahiran paling sukar dan kompleks berbanding kemahiran bahasa yang lain (Layang 2018; Abdul Ghafar dan Ruhizan 2019). Menulis karangan bukanlah sesuatu yang mudah dan memerlukan sistem pengajaran yang efektif. Perubahan dalam kurikulum pendidikan selalu berlaku untuk menyesuaikan dengan arus globalisasi agar negara kita tidak terpinggir dari segi akademik. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah proaktif untuk menyemak dan memperbaiki kurikulum sedia ada. Ini termasuklah kurikulum Bahasa Melayu yang telah disemak dan diperkuuh dengan pengetahuan semasa dan pelbagai wacana.

Pada tahun 2011, perubahan dalam kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah telah dilaksanakan dengan memperkenalkan pendekatan modular yang holistik, seimbang, dan bersepadu. Pendekatan ini menekankan kepentingan penguasaan asas bahasa Melayu dalam kalangan murid. Kurikulum ini akhirnya berkembang menjadi Kurikulum Standard Sekolah Rendah Edisi Semakan (KSSR Semakan) mulai tahun 2018. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu, terdapat Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi yang perlu dipatuhi. Salah satu komponen penting dalam KSSR Semakan adalah kemahiran menulis, yang mana murid perlu mahir menyampaikan maklumat dengan jelas menggunakan idea utama dan idea sampingan secara koheren dan kohesi (Rubiaton 2020).

Dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025, terdapat fokus yang jelas untuk meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa, khususnya dalam Anjakan Kedua. Pelan ini menyasarkan untuk mencapai sebanyak 100 peratus literasi asas dalam bahasa Melayu dan menjangkakan 90 peratus pelajar yang mendapat skor minimum kepujian dalam Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada akhir tingkatan lima pada tahun 2025 (KPM 2017). Oleh itu, penekanan aspek penulisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah penting bagi mencapai matlamat KPM walaupun Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) telah dimansuhkan pada tahun 2021 disebabkan wabak Covid-19 yang melanda negara. UPSR kali terakhir telah dijalankan pada tahun 2019. Pada tahun 2020 dan 2021, tiada ujian

khas untuk menilai kemahiran penulisan karangan secara khusus, sebaliknya hanya pemberian Tahap Penguasaan (TP) TP1 hingga TP6 yang diberikan secara umum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, KPM telah menetapkan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) untuk dilaksanakan di semua sekolah mulai Januari 2023.

## PENYATAAN MASALAH

Masalah penulisan karangan masih lagi berterusan dan belum menemui titik noktah walaupun telah banyak kajian berkaitan PdP kemahiran menulis dijalankan. Kenyataan ini disokong oleh Norliza, Zulkifli dan Abdul Munir (2021) yang mengatakan bahawa kebolehan menganalisa karangan dalam kalangan murid sekolah rendah masih lagi rendah. Kebelakangan ini, kebanyakan kajian yang dijalankan berkaitan PdP bahasa Melayu ini berkisarkan tentang pemilihan dan penggunaan teknik tertentu bagi meningkatkan mutu penulisan karangan tetapi kajian berkaitan amalan pengajaran penulisan karangan di sekolah rendah adalah sangat terhad. Antaranya, kajian yang telah dijalankan oleh Syazwan (2021) dalam kajian penggunaan Jejari Penanda Wacana dalam penulisan karangan, Rubiaton (2020) dalam kajiannya yang menggunakan borang BoGraf untuk kerangka penulisan karangan dan Ahmad Fikri (2019) dalam kajian penggunaan teknik Lakaran Peta Ithink untuk menjana idea murid. Selain itu, A. Rahman (2016) telah menggunakan teknik SALAK dan Hasnah (2016) menggunakan teknik Track Changes dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan.

Seterusnya tinjauan Impak MBMBBI yang dijalankan pada tahun 2015-2016 juga menunjukkan penguasaan menulis murid masih berada pada tahap lemah iaitu 38.4 peratus. Ini menunjukkan bahawa murid sekolah rendah perlu diberi pendedahan atas berkaitan teknik penulisan yang bersistematis sejak awal persekolahan. Aisyah et al. (2016) dan Abdul Rashid et al. (2016) menyatakan penulisan karangan memerlukan strategi pengajaran yang sesuai untuk menjana idea yang ingin disampaikan. Noor Suhailah dan Azwahanum (2024) menyatakan bahawa tahap penguasaan murid dalam bahasa Melayu kurang memberansangkan terutamanya dalam bidang penulisan. Tambahan pula, perubahan format yang berlaku secara tiba-tiba dalam pentaksiran Bahasa Melayu turut turut memburukkan lagi masalah ini. Hal ini dikatakan demikian kerana murid masih belum menguasai format baru disebabkan kurang

pendedahan dan kekangan masa latihan yang mencukupi. Perubahan dalam penilaian bahasa Melayu penulisan ini amat ketara apabila format penulisan karangan telah diubah bentuk baharu. Jika sebelum ini, murid perlu menulis idea karangan sebanyak 80 hingga 120 patah perkataan manakala penulisan karangan format baharu mengehadkan penulisan murid hanya 50 hingga 80 patah perkataan sahaja. Hal ini secara tidak langsung boleh menyekat idea murid. Selain itu, Nurul Aisyah, Zamri dan Nor Azwahanum berpandangan bahawa murid dalam penulisan Bahasa Melayu adalah berkait dengan kekurangan contoh, penjanaan idea dan juga ketepatan huraihan idea.

Selain itu, terdapat isu ramai guru Bahasa Melayu bukan dari bidang pengkhususan terpaksa mengajar mata pelajaran ini. Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengutamakan agar 100 peratus guru Bahasa Melayu adalah guru opsyen, namun data menunjukkan bahawa masih terdapat jumlah yang besar guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu. Masalah ini boleh menyebabkan isi pengajaran dan pedagogi Bahasa Melayu tidak disampaikan dengan baik kepada murid-murid kerana guru-guru ini mungkin tidak sepenuhnya didedahkan dengan cara terbaik untuk mengajar mata pelajaran ini. Kekurangan pendedahan guru dalam pedagogi mata pelajaran yang diajar adalah penting kerana mempengaruhi keyakinan dan pemahaman guru semasa menyampaikan isi pelajaran kepada murid. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pengkaji berusaha

terpanggil untuk menjalankan kajian bagi meneroka isu dan cabaran yang dialami dalam melaksanakan pengajaran penulisan karangan di sekolah rendah.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Meneroka isu dan cabaran dalam pelaksanaan pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah.

## METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk meneroka isu dan cabaran dalam pelaksanaan pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah. Penelitian kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes melalui temu bual separa berstruktur. Penetapan kaedah kualitatif dalam kajian ini disebabkan oleh pengkaji ingin meneroka secara mendalam tentang isu dan cabaran yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Empat orang guru cemerlang Bahasa Melayu yang mengajar Tahap 2 telah dipilih dalam kajian ini. Bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan, pengkaji telah menemu bual separa berstruktur, membuat pemerhatian dan analisis dokumen bagi memastikan triangulasi data dapat dicapai. Protokol temu bual terlebih dahulu melalui proses kesahan oleh tiga orang pakar. Kemudian data yang dipungut ditranskripsikan, dikod dan dianalisis menggunakan perisian NVivo 12.

JADUAL 1. Pemilihan peserta kajian

Guru	Jantina	Umur	Pengalaman Mengajar	Gred Perkhidmatan	Peringkat
PK1	Lelaki	59	35 tahun	DG 34	Diploma
PK2	Lelaki	51	26 tahun	DG 48	Sarjana
PK3	Perempuan	33	10 tahun	DG 44	Sarjana
PK4	Lelaki	38	15 tahun	DG 48	Sarjana

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan dapatan kajian isu dan cabaran dalam pelaksanaan pengajaran penulisan karangan di sekolah rendah. Terdapat enam tema yang terhasil daripada analisis yang dibuat menggunakan NVivo12. Antara cabaran pelaksanaan pengajaran penulisan karangan ini melibatkan tema masalah murid, sikap ibu bapa, guru, aspek bahasa, peruntukan masa, dan perubahan format pentaksiran.

## MASALAH MURID

### Kehadiran Murid

Antara kekangan yang dihadapi adalah melibatkan masalah murid dari segi kehadiran. Rata-rata peserta kajian mengatakan bahawa masalah ini berlaku dan sangat merisaukan jika tidak dibendung. Apabila murid tidak hadir ke sekolah, sesi pengajaran penulisan karangan tidak dapat dijalankan dengan sempurna sekiranya karangan tersebut diajar

secara berperingkat. Sebagai contoh pada PdP kali pertama, guru mengajarkan penulisan karangan untuk perenggan pendahuluan sahaja tetapi perenggan bahagian isi karangan diajar pada sesi PdP berikutnya. Murid yang tidak hadir pada hari tersebut akan belajar sambungan penulisan karangan berkaitan perenggan isi karangan sahaja kerana tidak berpeluang untuk mengikuti sesi PdP hari sebelumnya. Hal ini akan menyebabkan murid tidak dapat menguasai sepenuhnya karangan yang diajar dengan lengkap. Menurut PK3, beliau terpaksa mengulang semula isi pelajaran yang sama apabila ada murid yang tidak hadir ke sekolah pada sesi PdP sebelumnya. Hal ini dapat dilihat oleh pernyataan PK3 di bawah:

Masalah utama PdP di sekolah ini ialah masalah kehadiran murid sebenarnya. Saya mengajar mengikut peringkat karangan yang bermula daripada pendahuluan, bila seseorang murid tidak hadir pada minggu yang sebelum itu ataupun bulan yang sebelum itu, jadi saya perlu ulang semula perkara yang diajar. (PK3)

Bagi mengatasi masalah ini, PK3 dan juga pentadbir akan mengambil inisiatif untuk menjemput murid tersebut di rumahnya dan membawa ke sekolah. Namun masalah ini masih berterusan kerana murid tersebut hanya datang beberapa kali apabila dijemput di rumahnya sahaja. Selain itu, PK1 dan PK2 juga menyatakan bahawa kebanyakan murid yang kerap tidak hadir ke sekolah ini akan menyebabkan masalah dalam pembelajaran. Murid-murid yang masih tidak boleh membaca walaupun telah berada di tahap dua merupakan murid yang mempunyai masalah kehadiran ke sekolah.

Murid yang masih tidak boleh membaca adalah murid yang ada masalah kehadiran semuanya. (PK2)

Kalau kehadirannya, murid yang selalu mencapai keputusan peperiksaan tidak memuaskan selalunya murid yang tidak hadir ke sekolah ni lah. Kalau saya dulu bagi subjek Bahasa Melayu Penulisan, yang menyebabkan keputusan jatuh ialah murid yang kerap tidak hadir. (PK1)

#### Sikap Murid

PK3 menyatakan murid juga tidak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan. Jadi bagi mengatasi masalah ini, guru telah berbincang dengan pentadbir dan beliau meminta semua aktiviti untuk murid tersebut perlu disiapkan semasa di sekolah.

...murid yang seorang ni kalau kita bagi kerja rumah, dia tidak akan siapkan. Contoh lah semalam saya bagi satu karangan, dia tidak siapkan karangan tu. Jadi saya kena pastikan dia buat dekat sekolah. GPK saya kata kita jangan bagi kerja kepadanya, semua aktiviti untuk dia mesti di dalam kelas. (PK3)

Isu seterusnya melibatkan murid yang menunjukkan sikap sambil lewa dengan pelajaran mereka. PK3 turut menyatakan bahawa murid bersikap sambil lewa setelah tiada peperiksaan umum kerana tidak perlu menjalani penilaian seperti tahun-tahun sebelum ini manakala PK1 pula menyatakan bahawa guru-guru perlu bekerja lebih keras untuk mengulangi semula PdP yang tertinggal kerana pencapaian murid agak rendah setelah mereka tidak perlu berusaha keras sebelum menduduki peperiksaan.

Perubahan ke arah negatif apabila ada murid yang mengambil sikap sambil lewa kerana tidak ada penilaian untuk mereka. (PK3)

Di samping itu, kecanggihan teknologi telah menyebabkan masalah murid yang leka dengan penggunaan gajet. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi membawa banyak kebaikan kepada kita. Namun, jika penggunaannya tidak dikawal akan mengundang masalah. PK4 menyatakan murid menghabiskan banyak masa dengan bermain permainan secara dalam talian dan telefon bimbit, melayari media sosial berbanding menghabiskan masa untuk belajar atau mengulang kaji pelajaran.

Sebab masa banyak dihabiskan dengan bermain *game*, melayari Internet seperti Facebook. Banyak agendanya. Kalau dahulu murid belajar sahaja walaupun tidak ada teknologi. Sekarang ini canggih, kita sebagai pengajar ni banyak benda dapat membantu sebab dalam kelas di sini semua ada rangkaian Internet.(PK4)

#### Tahap Penguasaan Murid

Tahap penguasaan murid masih pada tahap yang tidak memberansangkan berbanding tahun-tahun sebelum ini. PK1 dan PK3 menyatakan prestasi murid adalah menurun berbanding sebelum UPSR dimansuhkan. Hal ini dikatakan demikian kerana murid berusaha untuk menduduki peperiksaan yang akan diadakan pada ketika itu.

Kalau dari segi prestasi murid memang menurun. Kalau sebelum UPSR dimansuhkan ni nampaklah usaha mereka. Mereka berusaha untuk mendapatkan keputusan yang baik.(PK3)

PK1 turut bersetuju prestasi murid semakin menurun dan jurang pencapaian sangat jauh berbanding sebelum tahun 2020. PK1 mengatakan masalah ini turut berpunca daripada pemansuhan peperiksaan umum seperti kebiasaan pada tahun-tahun sebelum ini. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada lagi desakan dan usaha yang berterusan untuk mendapatkan keputusan yang terbaik dalam peperiksaan. Bukan sahaja usaha daripada murid, malah ibu bapa turut memainkan peranan memberikan sokongan sebagai usaha untuk mendapatkan keputusan yang baik.

Tidak ada peperiksaan pun puncanya lah sebab peperiksaan ini, kalau dulu ibu bapa pun usaha, kita pun usaha bila ada kehendak.. kita ditekan oleh pihak atasan. Semua atas kita menekan kita..pentadbir, PPD, JPN.(PK1)

Walau bagaimanapun, peserta kajian tersebut turut menyatakan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa musim Covid-19 turut menjadi punca prestasi murid menurun selepas tahun 2020. Hal ini kerana murid tidak dapat belajar secara bersempena di sekolah.

Masalah murid memang sejak mula 2020 ini memang jauhlah. Memang jauh pencapaian murid tu. Maknanya ikhlas lah pada saya memang jauh. Kesiapan murid untuk kita ajar pun masih jauh. PKP tu MCO tu memang satu punca yang menjarakkanlah antara kita dalam dua, tiga tahun tidak bersempena dengan murid..kita ajar pun kita beri kerja pun bukan semua yang terlibat. (PK1)

Jurang tahap penguasaan murid yang ketara di dalam kelas menyebabkan guru perlu menjalankan pengajaran terbeza. Hal ini kerana guru perlu menyampaikan isi pelajaran menggunakan pendekatan yang berbeza kepada murid-murid yang berlainan aras. Guru tidak dapat menumpukan sepenuhnya perhatian kepada kumpulan murid yang cemerlang, sederhana dan murid yang lemah. PK2, PK3 dan PK4 membuat pengajaran pedagogi terbeza apabila melibatkan aras penguasaan murid yang berbeza. PK3 menyatakan rasa terkilan apabila tidak dapat memberikan fokus kepada murid yang lemah apabila menyampaikan isi pelajaran kepada kumpulan murid yang cemerlang dan sederhana di dalam kelas. Perbezaan tahap penguasaan yang ketara di dalam satu kelas menyebabkan objektif pengajaran yang harus dicapai dalam kelas juga berbeza.

## MASALAH IBU BAPA

Antara cabaran yang dihadapi dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah juga melibatkan golongan ibu bapa. Terdapat sebilangan ibu bapa yang tidak mementingkan pelajaran dan mendorong anak-anak untuk tidak hadir ke sekolah. Ibu bapa yang sibuk bekerja membenarkan anak-anak untuk tidak pergi sekolah sebaliknya menjaga adik-adik semasa ketiadaan mereka di rumah sewaktu keluar bekerja. Murid ini akan diberi upah untuk menjaga adik mereka semasa waktu persekolahan.

Masalah yang saya hadapi apabila murid saya tidak hadir ke sekolah. Ibu bapa pula menyokong ketidakhadiran tu sebab saya hidup di kawasan B40 ni. Anak-anak murid terpaksa menjaga adik semasa ibu bapa bekerja dan diberi upah sepuluh ringgit. (PK2)

Selain itu, kesibukan ibu bapa yang bekerja untuk menanggung kos sara hidup yang semakin tinggi menyebabkan mereka tidak sempat untuk mengambil berat dan memantau pelajaran anak-anak.

Terimalah hakikat ibu bapa sekarang bukannya ibu bapa yang dulu. Ibu bapa sekarang perlukan dua-dua bekerja kerana kos sara hidup semakin tinggi. Memerlukan mereka tinggal anak-anak dekat rumah bersendirian dengan pengasuh, dengan tabika. Jadi PdP tidak lagi penting, yang penting untuk dapatkan kos untuk sara hidup dahulu. (PK2)

## ISU GURU

### Keberadaan Guru

Selain itu, keberadaan guru yang sering tidak ada di sekolah juga boleh mengakibatkan gangguan dalam perancangan pengajaran PdP penulisan karangan. Keberadaan guru yang kerap tidak ada di sekolah kerana terlibat dengan aktiviti di luar sekolah seperti bengkel, mesyuarat, atau tugas-tugas lain akan mengganggu penyampaian pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Guru yang sering tiada di sekolah mungkin akan menghadapi kesulitan dalam memberi panduan secara langsung kepada pelajar dalam mengembangkan kemahiran penulisan. Sekiranya guru tidak ada di sekolah, sesi PdP tersebut akan diganti oleh guru lain. PK2 menyatakan beliau terpaksa memadatkan isi pengajaran dalam masa yang terhad untuk menggantikan kelas pada sesi PdP minggu sebelumnya.

Macam hari ini, saya tidak dapat jalankan PdP seperti yang saya mahukan. Kita tengok dengan keadaan semasa. Minggu lepas saya tidak datang ke sekolah, saya ada mesyuarat apa semua. Jadi minggu ni saya nak ganti yang minggu lepas. Jadi hari ini saya tak ikutlah *step* saya dengar tutur apa semua. Saya *cover* yang minggu lepas. Saya keluar hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis kan. (PK2)

Lebih-lebih lagi guru di sekolah kurang murid. Keadaan bilangan guru yang sedikit di sekolah kurang murid menyebabkan kebarangkalian guru yang sama yang terlibat dengan taklimat atau bengkel.

Dulu tak ramai. Saya mengajar matematik, masa tu saya guru cemerlang. Kursus item Bahasa Inggeris pun saya yang pergi. Saya kena pergi semua, saya jenis tidak menolak, orang bagi saya pergi je, seronok je waktu tu kita suka.(PK1)

Keadaan ini boleh mengakibatkan peningkatan beban kerja bagi guru yang tinggal di sekolah, terutamanya dalam hal memastikan semua mata pelajaran dan topik pengajaran dan pembelajaran diperoleh dan difahami oleh murid. Ini boleh mengganggu PdP murid terutamanya pengajaran penulisan karangan yang melibatkan pendekatan proses atau pengajaran secara berperingkat.

#### Kekurangan Guru di Sekolah

Di samping itu, isu kekurangan guru mata pelajaran di sekolah juga menyebabkan guru bukan opsyen perlu mengajar subjek lain. Hal ini boleh memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru yang bukan opsyen mungkin tidak mempunyai latihan atau pengalaman yang mencukupi dalam pengajaran penulisan karangan, yang boleh mengurangkan kualiti pengajaran yang diberikan kepada murid. Selain itu, kekurangan guru yang mempunyai kepakaran dalam bidang penulisan Bahasa Melayu juga boleh mengakibatkan kurangnya maklum balas yang berkualiti kepada murid. Guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam bidang penulisan mungkin menghadapi kesukaran dalam memberi panduan yang efektif kepada pelajar dalam meningkatkan kemahiran penulisan mereka.

Oh contohnya kalau di sini dahulu yang ok Bahasa Melayu ni saya dengan Cikgu \*\*\*\*. yang opsyen BM ni dua orang, yang lain bukan opsyen. (PK1)

#### Kuasa Guru Terbatas

Seterusnya cabaran apabila kuasa guru terbatas dalam mendidik dan mengajar murid boleh

menyebabkan beberapa cabaran tambahan dalam proses pembelajaran. Keadaan yang mana kuasa guru terbatas dalam mendidik dan mengajar murid, seperti tidak boleh mendenda murid, tidak boleh memarahi murid secara bebas walaupun mereka telah melakukan kesalahan boleh memberi kesan negatif terhadap pembelajaran. Guru yang tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan disiplin secara efektif mungkin menghadapi kesulitan dalam mengekalkan kawalan di dalam kelas. Ini boleh mengganggu aliran pembelajaran dan menyebabkan gangguan kepada murid, yang akhirnya mempengaruhi pencapaian mereka.

Kenapa tidak hadir? Cikgu tidak boleh marah. Jadi tidak boleh buang sekolah rendah, tidak boleh buang, tidak boleh marah, tidak boleh menginggung perasaan, tidak boleh. Guru tak ada kuasa autoriti, sedangkan cara kita nak ajar dalam Islam pun kata, kalau selagi anak buat salah hukumlah.(PK1)

#### ASPEK KESALAHAN BAHASA

Salah satu cabaran yang dihadapi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu adalah kesalahan struktur ayat. Kesalahan ini berlaku disebabkan oleh murid cenderung untuk menterjemah ayat secara langsung daripada bahasa ibunda mereka. PK4 menyatakan murid Cina selalunya melakukan kesalahan dari segi pembinaan struktur ayat kerana struktur ayat dalam Bahasa Melayu berbeza dengan struktur ayat dalam Bahasa Cina.

...kebiasaanannya murid di sekolah SJKC ini masalah mereka dari segi pembinaan struktur ayat. Kebiasaanaya jadi ayat ‘translate’ ayat bahasa Cina. (PK4)

Hal ini menunjukkan bahawa mereka sedang cuba menterjemah secara langsung tanpa mengambil kira perbezaan dalam struktur ayat antara kedua-dua bahasa. Kesalahan ini boleh mengakibatkan ayat menjadi tidak gramatis dan sukar untuk difahami dalam Bahasa Melayu. Selain itu, PK1 pula turut menyatakan murid masih lemah dalam pembinaan struktur ayat. Kenyataan ini dapat dilihat dalam ayat dibawah.

...kalau satu lagi struktur ayat tu memang murid lemahlah. Kadang ayat nya terbalik, terbalik. Biasa lah budak. Ayatnya dia ulang lagi sekali, kalau masa saya menanda dulu memang kena gelombanglah. (PK1)

Cabarannya seterusnya berkaitan kekurangan kosa kata dalam penulisan karangan. Kekurangan kosa kata boleh menyebabkan penulisan karangan tidak dapat dihasilkan dengan baik. Murid juga cenderung untuk

menggunakan perkataan yang sama dan berulang. Oleh yang demikian, karangan yang dihasilkan akan menjadi tidak menarik. Kosa kata yang terhad juga menyebabkan lontaran idea murid dalam penulisan akan terhad. Kesalahan tatabahasa yang tidak tepat akan menjasikan mutu penulisan karangan. PK3 menyatakan murid sering melakukan kesalahan tatabahasa semasa menulis karangan.

...kadang murid saya kalau cikgu perasan murid India ni dia suka guna perkataan adalah. Saya adalah pengawas. Padahal salah, sepatutnya saya ialah pengawas. (PK3)

#### PERUNTUKAN MASA

Pengurangan waktu PdP Bahasa Melayu daripada sepuluh waktu kepada lapan waktu sahaja menjadikan masa yang diperuntukkan tidak mencukupi. Jika sebelum ini kebanyakan sekolah membahagikan dua waktu untuk setiap hari bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Namun, peruntukan ini turut dijadikan tiga kali sahaja waktu PdP Bahasa Melayu yang memperuntukkan tiga waktu bagi setiap sesi atau hari. Pengurangan waktu ini berkait dengan permasalahan isu beg berat murid. Walau bagaimanapun, tindakan ini menyebabkan masa yang diperuntukkan untuk pengajaran Bahasa Melayu tidak mencukupi. Namun, ada juga sekolah yang masih menggunakan dua waktu sehari untuk PdP Bahasa Melayu tetapi masih tidak mencukupi kerana jumlah waktu telah dikurangkan kepada lapan waktu sahaja.

Sama juga waktu Bahasa Melayu dulu kita gunakan sepuluh waktu tetapi sekarang sudah menjadi lapan waktu. Dah kurang dua waktu. Kalau sepuluh waktu, satu jam satu jam satu jam lima jam kan seminggu. Dengan tutur, baca, tulis, seni bahasa, tatabahasa, cukup.(PK2)

..Selain yang itu, masalah dari segi masa. Contohnya seminggu tiga kali saja BM sekarang ni. Dulu lima kali kan. Tiga kali tu sebab dia bagi tiga waktu. Tiga tiga jadi sembilan sahaja lah. (PK1)

PK3 menyatakan bahawa pengurangan waktu PdP ini menyebabkan beliau tidak sempat untuk menghabiskan silibus dan juga DSKP.

Jadi macam sekolah-sekolah kurang murid ini, cikgu-cikgu dia berasa takut kerana risau tidak sempat untuk menghabiskan DSKP. Sebab bila dia habiskan satu-satu DSKP baru boleh pergi ke bahagian seterusnya. Itulah masalah yang wujud.

#### PERUBAHAN FORMAT PENTAKSIRAN

Perubahan format pentaksiran yang berlaku secara mendadak tanpa pendedahan awal merupakan satu

cabaran besar kepada guru dan murid. Guru-guru menghadapi cabaran apabila tidak mengetahui format pentaksiran yang terbaharu menghadapi kesulitan dalam merancang dan memberi pengajaran yang bersesuaian dengan format baharu tersebut. Mereka turut mengalami kesukaran untuk memberikan arahan dan panduan kepada murid berkaitan cara untuk menjawab soalan atau membuat tugas mengikut format yang betul.

Tanpa pengetahuan yang cukup berkaitan format baharu akan memberi kesan kepada persediaan murid. Kemungkinan murid akan mengalami kekeliruan dan ketidakpastian untuk menjawab soalan dan juga membuat tugas yang diberikan. Hal ini akan mempengaruhi prestasi mereka dalam pentaksiran. Setelah UPSR dimansuhkan, tiada lagi pentaksiran dijalankan sebaliknya hanya bergantung kepada PBD semata-mata. Tiada lagi pentaksiran dijalankan di peringkat sekolah rendah. Sistem pentaksiran baharu yang umum dan tidak boleh diukur telah menyebabkan murid dan ibu bapa kehilangan motivasi dalam pembelajaran. Apabila markah tidak dapat dilihat atau diukur dengan jelas, mereka mungkin kurang berusaha kerana tidak melihat hasil yang jelas. Murid hanya berusaha untuk memasuki sekolah khusus yang mengiktiraf kecemerlangan tanpa memberi tumpuan kepada pembelajaran sebenar. Namun, pada tahun 2023, pihak KPM telah pun mengumumkan pentaksiran baharu diperkenalkan, iaitu Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA).

Sebagai rumusan, peperiksaan tetap penting walaupun kerajaan memutuskan untuk tidak meneruskan UPSR. Peperiksaan merupakan alat penting untuk mengukur pencapaian murid dan dapat meningkatkan semangat mereka untuk belajar. Peperiksaan memberi matlamat yang jelas kepada murid dan membantu mereka menetapkan matlamat hidup yang lebih jelas. Jika hanya menggunakan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS), ini mungkin tidak mencukupi untuk memberi motivasi kepada murid. Peperiksaan menyediakan satu objektif yang nyata dan memberi ganjaran kepada murid yang berusaha dengan baik, yang seterusnya dapat meningkatkan motivasi dan semangat mereka dalam pembelajaran.

Peperiksaan ni perlu diteruskan walaupun kerajaan kata tidak akan diteruskan UPSR tetapi sekurang-kurangnya ujian ataupun peperiksaan itu masih penting juga kerana untuk mengukur dan menaikkan semangat murid ni untuk belajar supaya dia ada matlamat hidup. Kalau setakat PBS sahaja memang tidak boleh. (PK3)

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, isu dan cabaran yang berkaitan dengan pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu ini melibatkan banyak aspek yang harus diberikan perhatian. Dari segi aspek murid, sikap, kehadiran, dan tahap keupayaan mereka mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Sikap murid merangkumi sikap sambil lewa, tidak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan dan leka dengan gajet (Ngadiman dan Mohamad Ashari 2018). Dari segi guru, isu seperti kekurangan guru dan keberadaan guru di luar sekolah sewaktu PdP berlangsung perlu diberi perhatian dan ditangani dengan sebaiknya. Hal ini penting untuk mengekalkan kualiti pengajaran dan pembelajaran agar tidak membebankan guru apabila guru di sekolah tidak mencukupi dan terpaksa mengambil alih tugas guru lain di samping tugas hakiki sendiri. Bagi guru bukan opsyen juga mempunyai masalah dalam menguasai pedagogi Bahasa Melayu kerana guru tidak mempunyai pendedahan mengenai subjek tersebut (Nur E'zzati dan Zamri 2024). Beberapa langkah boleh diambil bagi mengatasi cabaran ini. Antaranya dengan menyediakan latihan dan bimbingan kepada guru yang bukan opsyen dalam bidang penulisan Bahasa Melayu. Hal ini akan membantu mereka memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk mengajar mata pelajaran tersebut dengan lebih efektif.

Isu dan cabaran lain yang juga harus diambil kira adalah isu melibatkan ibu bapa yang sibuk sehingga tidak dapat membuat pemantauan terhadap perkembangan murid. Dalam hal ini, kerjasama yang jitu harus dijalin antara pihak sekolah dan ibu bapa agar ibu bapa sedar dan mengambil berat perkembangan pembelajaran anak-anak (Irma et al. 2021). Peranan ibu bapa sememangnya besar dalam memastikan kesinambungan dan keberkesanan proses pembelajaran. Seterusnya, isu-isu lain seperti kesalahan bahasa, peruntukan masa dan perubahan format pentaksiran seharusnya diambil kira. Dalam hal ini, penting bagi guru untuk memberi penekanan kepada pemahaman asas tatabahasa Bahasa Melayu dan memberi latihan yang mencukupi dalam menghasilkan ayat-ayat yang betul dari segi struktur dan makna. Guru juga boleh memberikan contoh-contoh ayat yang betul dalam Bahasa Melayu untuk membantu murid memahami perbezaan antara struktur ayat dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu, begitu juga dengan struktur ayat bahasa Tamil ke bahasa Melayu yang betul.

Bagi peruntukan masa pula, pihak panitia

dan pihak sekolah boleh berbincang untuk memperuntukkan bilangan waktu yang mencukupi mengikut keperluan sekolah masing-masing dan bagi di peringkat yang lebih tinggi pula, pihak KPM boleh mengkaji semula jumlah peruntukan waktu yang diberi untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Akhir sekali, bagi mengatasi cabaran yang timbul akibat perubahan format pentaksiran, pihak sekolah dan pentadbir pendidikan perlu memberikan pendedahan awal kepada guru mengenai perubahan tersebut. Hal ini kerana amalan pentaksiran dilakukan oleh guru dapat menguji tahap pencapaian dan kemajuan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mohd Haidzir dan Norasmah 2019). Penyediaan bahan rujukan yang mencukupi, latihan, dan bimbingan mengenai format baru juga penting bagi membantu guru dan murid menyesuaikan diri. Dengan langkah-langkah cadangan ini, diharapkan cabaran yang dihadapi dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu dapat diatasi dengan lebih efektif, dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta memberi impak yang positif kepada pembangunan pendidikan negara. Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dan memberikan kerjasama yang jitu bagi memastikan isu-isu yang dibincangkan ini dapat diatasi seterusnya melahirkan murid yang lebih baik dan cemerlang dalam pelajaran terutamanya dalam penulisan Bahasa Melayu.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan isu dan cabaran yang dihadapi termasuk isu murid, pihak ibu bapa, guru, perubahan format pentaksiran, peruntukan masa PdP dan aspek bahasa. Implikasi kajian ini adalah pentingnya memperbaiki sikap, kehadiran, dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan, menangani kekurangan guru, menyediakan peruntukan masa yang mencukupi, dan meningkatkan kecekapan bahasa murid.

Dalam konteks pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah, kajian ini memberi sumbangan yang penting. Implikasi kajian ini merangkumi keperluan untuk mengatasi cabaran yang dihadapi dalam pengajaran penulisan karangan. Cadangan termasuk pemberian sikap, kehadiran, dan pengetahuan murid, meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan, menangani kekurangan guru, menyediakan peruntukan masa yang mencukupi, dan memperbaiki kecekapan bahasa murid. Dengan mengambil langkah-langkah

ini, kualiti pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah boleh ditingkatkan, memberi impak yang positif kepada pembangunan pendidikan negara.

## RUJUKAN

- A. Rahman Haron. 2016. Pembangunan dan keberkesanannya modul salak didik dalam aktiviti penulisan karangan murid sekolah rendah. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, Rozita Radhiah Said, Azhar Md Sabil, Yusfarina Mohd Yussof. 2016. Pembinaan Negara Bangsa dan Identiti Kebangsaan dalam Pemerkasaan Bahasa Melayu melalui Sistem Persekolahan. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN Ke-3, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Fatoni. Thailand, 25-26 Mei.
- Ahmad Fikri Ab Rahman & Zamri Mahamod. 2019. Teknik lakaran bersama peta alir i-think meningkatkan kemahiran menjana idea pelajar etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(1): 12-22.
- Ahmed Hafizainol Ahmed Adris & Karim Harun. 2020. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar pondok Bantan Thailand. *Jurnal Melayu Isu Khas* 457-477.
- Che Zanariah & Fadzillah Abdul Rahman. 2011. Pelaksanaan kemahiran pengajaran dan pembelajaran penulisan kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 67-87.
- Creswell, J. W. & Poth, C. N. 2018. *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). Thousand Oak, California: Sage Publications.
- Hasnah Mohamed. 2016. Meningkatkan kemahiran menulis karangan melalui penggunaan track changes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 13: 135-159.
- Irma, M., Ugartini, M. & Intan Nur Syuhada, H. 2021. Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian sepanjang perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(1): 16-28.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Nur Atikah Mohd Noor (pengarang koresponden)  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi Selangor, Malaysia  
E-mel: p112619@siswa.ukm.edu.my
- Zamri Mahamod  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi Selangor, Malaysia  
E-mel: d-zam@ukm.edu.my
- Nurfaradilla Mohamad Nasri  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi Selangor, Malaysia  
E-mel: nurfaradilla@ukm.edu.my
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun Lima*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun Enam*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Layang Ugek dan Jamaludin Badusah. 2018. Amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru bahasa Melayu ketika mengajar pelajar Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(2): 25-38.
- Muttalip, D. A. A. 2020. Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(2): 29-42.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman & Anida Sarudin. 2020. Pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 1-13.
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman dan Abdul Munir Ismail. 2021. Kesan penggunaan petapemikiran terhadap pengajaran penulisan karangan murid tahun lima. *MANU* 32(1): 1-17.
- Noor Suhaileh Ibrahim & Nor Azwahanum Mohd Shaid. 2024. Perlalihan format karangan baharu sekolah rendah: sejauh mana kesesuaianya? *International Jounal of Advanced Research in Education and Society* 6(2): 320-335.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. 2016. Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(2): 1-9.
- Nurul Ashikin Md Yatim, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah. 2020. Tahap pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(2): 43-53.
- Rozana Jaafar. 2020. Strategi Pembelajaran kemahiran mendengar dan menulis dalam kalangan pelajar etnik Cina dan India ketika belajar Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 64-76.
- Rozita Radhiah Said. 2012. Amalan pengajaran karangan guru cemerlang di dalam bilik darjah: Kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 27: 51-68.
- Rubiaton Ibrahim. 2020. Pengaplikasian teknik bograf dalam penulisan karangan fakta murid tahun lima. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syazwan Mohd Sanosi & Zamri Mahamod. 2021. Keberkesanannya penggunaan jejari penanda wacana (JPW) dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 102-110.
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod, Irma Mahad & Intan Nur Syuhada. 2021. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah San Min (SUWA) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*. ICBE Publication.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. 2019. Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi program linus di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1: 1-11.
- Zamri Mahamod. 2021. *Psikolinguistik dan Pengajaran Bahasa*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.